NOTIS KERJA UNDI BIL. 1/2026

UNIT PENGURUSAN PROJEK DAN FASILITI

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

PENGUMUMAN

1. DIMAKLUMKAN BAHAWA UNIT PENGURUSAN PROJEK DAN FASILITI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG AKAN MELAKSANAKAN PROSES KERJA UNDI BAGI KERJA-KERJA YANG DILAMPIRKAN.

2. PENDAFTARAN KONTRAKTOR UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA UNDI INI AKAN DILAKSANAKAN SECARA BERSEMUKA.

3. PIHAK KONTRAKTOR **WAJIB** MENGISI MAKLUMAT BORANG PERSETUJUAN UNTUK MENYERTAI KERJA UNDI DENGAN MELENGKAPKAN BORANG TERSEBUT SERTA MEMBAWA DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN. HANYA DOKUMEN BERCETAK DALAM (*HARD COPY)* SAHAJA DIBENARKAN.

4. TEMPOH MASA PENDAFTARAN BERSEMUKA ADALAH SELAMA 3 JAM PADA 11 NOVEMBER 2026 (RABU) BERMULA 9.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAH HARI.

5. PENDAFTARAN SECARA BERSEMUKA SAHAJA AKAN DITERIMA DAN PIHAK URUS SETIA JABATAN AKAN MENYENARAIKAN KONTRAKTOR YANG BERJAYA DALAM TAPISAN PENDAFTARAN UNTUK DIPAPARKAN PROSES CABUTAN UNDI DILAKSANAKAN.

6. PIHAK KONTRAKTOR **TIDAK PERLU HADIR** KE PEJABAT UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN TERSEBUT.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI CABUTAN UNDI BIL. 1/2026

UNIT PENGURUSAN PROJEK DAN FASILITI, MAJLIS PERBANDARAN KAJANG :

1. TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR KEJURUTERAAN ELEKTRIK GRED G1/G2/G3 (E04, E06, E11, E16) YANG BERALAMAT DI DALAM NEGERI SELANGOR.

2. MEMILIKI SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN YANG DIKELUARKAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) YANG MASIH AKTIF.

3. MEMILIKI SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) YANG DIKELUARKAN OLEH CIDB YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.

4. MEMILIKI SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) YANG DIKELUARKAN OLEH CIDB YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.

5. MEMILIKI SIJIL PENGESAHAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI (UPEN) SELANGOR.

6. MEMILIKI SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB).

7. WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN. HANYA PENAMA/PEMILIK YANG SAH SAHAJA SEPERTI DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN. PIHAK JABATAN BERHAK MENOLAK PENYERTAAN SEKIRANYA MENDAPATI MAKLUMAT TERSEBUT ADALAH PALSU DAN MEMBATALKAN PENYERTAAN JIKA PEMOHON MENJADI WAKIL BAGI PIHAK YANG LAIN.

8. KONTRAKTOR YANG TELAH MENGHANTAR MAKLUMAT PENDAFTARAN SECARA BERSEMUKA ADALAH BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH PALSU, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAIKAN DAN TIDAK LAYAK UNTUK MENDAPAT KERJA DALAM PROSES KERJA UNDI INI.

9. KONTRAKTOR YANG LAYAK KE PERINGKAT CABUTAN UNDI AKAN DIBERITAHU SEMASA PENDAFTARAN DAN TAPISAN DIBUAT PADA HARI DAN MASA YANG SAMA. SEKIRANYA BERMINAT, KONTRAKTOR DIKEHENDAKI HADIR KE SESI CABUTAN UNDI PADA SEBELAH PETANG.

PENDAFTARAN PROSES KERJA UNDI BIL. 1/2026 AKAN DIADAKAN PADA :

TARIKH DAN WAKTU PENDAFTARAN : 11 NOVEMBER 2026 (RABU),
9.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAH HARI

PENDAFTARAN HENDAKLAH DIBUAT SECARA BERSEMUKA. PAUTAN BAGI BORANG PENDAFTARAN AKAN DISIARKAN DI PORTAL RASMI (LAMAN SESAWANG DAN MEDIA SOSIAL) MAJLIS PERBANDARAN KAJANG BERMULA 05 NOVEMBER 2026.